

**NO. SOALAN: 56**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[ SELAYANG ]**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2015**

**RUJUKAN : 8382**

**SOALAN:**

**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan samaada langkah menaiktaraf Malaysia dalam senarai penyeludupan manusia oleh Amerika Syarikat adalah berkaitan dengan TPPA dan apa pencapaian dan penambahbaikan telah dibuat untuk memerangi penyeludupan manusia.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Perundangan sedia ada di Malaysia iaitu Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 memfokuskan kepada jenayah pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran. Merujuk kepada Seksyen 2 Akta tersebut, penyeludupan migran ditafsirkan sebagai mengatur, memudahkan atau merancang secara langsung atau tidak langsung, kemasukan seseorang secara tidak sah ke dalam atau melalui, atau pengeluaran seseorang secara tidak sah dari mana-mana negara yang orang itu bukan warganegara atau permastautin tetap sama ada dengan mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kemasukan atau pengeluaran orang itu adalah tidak sah dan merekrut, mengangkut, memindahkan, menyembunyikan, melindungi atau menyediakan apa-apa bantuan atau perkhidmatan bagi tujuan melaksanakan perbuatan yang disebut di atas.**

**Manakala pemerdagangan orang pula merujuk kepada segala perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan dan termasuklah perbuatan merekrut, mengangkut, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang.**

**Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Laporan Tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) memfokuskan kepada prestasi negara-negara dalam menangani isu pemerdagangan orang sahaja. Penilaian oleh JNAS dibuat terhadap 188 buah negara termasuk Malaysia yang merangkumi aspek pencegahan, pendakwaan dan perlindungan.**

**Isu pemerdagangan orang secara tidak langsung turut merujuk kepada aspek pemerdagangan buruh, yang mana selaras dengan elemen perlindungan hak-hak pekerja yang ditekankan di dalam Perjanjian Kerjasama Trans-Pasifik (TPPA).**

**Selain itu, isu pemerdagangan orang dan penyeludupan manusia merupakan isu serantau yang memerlukan kerjasama erat di kalangan negara-negara ASEAN. Justeru itu, sebagai langkah penambahbaikan, isu penyeludupan manusia juga telah dikategorikan sebagai salah satu bidang fokus di bawah jenayah rentas sempadan sebagaimana yang dipersetujui semasa Mesyuarat Kesepuluh (Ke-10) Peringkat Menteri-menteri ASEAN mengenai Jenayah Rentas Sempadan (ASEAN Ministerial Meeting on Transnational Crime – AMMTC) di Kuala Lumpur pada 28 September hingga 1 Oktober 2015 yang lalu.**